

Alat Muzik

Salah satu lagi budaya penduduk Sarawak dan Sabah ialah pembuatan alat muzik. Alat muzik yang dihasilkan adalah unik kerana ia wujud atas kebijaksanaan penduduknya mengguna sumber alam sekitar untuk mengeluarkan bunyi-bunyian yang merdu dan menarik.

Sarawak

Penduduk Sarawak mempunyai pelbagai alat muzik yang unik. Keunikan alat muzik ini dapat dilihat dari segi kegunaannya dan bahan digunakan untuk membuat alat muzik tersebut.

Antara Alat-alat muzik penduduk Sarawak

Sape

Bahan pembuatan: Sape diperbuat daripada kayu jenis pelaie, keladan atau jelutong.

Fungsi: boleh dimainkan secara bersendirian dan juga disertakan dengan tarian seperti Datun Julud.

Gendang



Bahan pembuatan: Gendang diperbuat dari kayu keras seperti merbau dan belian. Kulitnya terdiri daripada kulit kambing atau lembu. Rotan sebagai pengikat kulit tersebut.

Fungsi: untuk acara bermukun.


Jatung Utang



Bahan pembuatan: terdiri dari beberapa bilah kayu ringan.

Fungsi: alat muzik yang mengiringi alat muzik lain untuk persembahan tertentu.

Persembahan Gong Bisaya



Persembahan Gong Bisaya mempunyai persamaan dengan gamelan di Alam Melayu.

Sabah

Seiringan dengan persembahan tarian, terdapat beberapa alat muzik tradisional yang dimainkan oleh penduduk Sabah. Alat muzik ini mempunyai keunikannya tersendiri mengikut kaum-kaum tertentu.

Antara Alat-alat muzik penduduk Sabah

Sompotan



Bahan pembuatan: Labu yang dikeringkan dan lapan batang buluh kecil.

Fungsi: salah satu alat muzik dalam beberapa acara persembahan tarian seperti sumazau.

Tongkungon



Bahan pembuatan: Buluh yang besar dengan talinya yang dipotong permukaannya.


Fungsi: boleh dimainkan secara bersendirian dan juga disertakan dengan tarian. apabila gong tidak disertakan.

Sundatang



Bahan pembuatan: Menggunakan kayu pokok nangka yang lembut dan tali aloi tembaga.

Fungsi: boleh dimainkan secara bersendirian dan juga disertakan dengan tarian.



Ensembel Sopogandangan adalah sekumpulan gong-gong yang mempunyai pelbagai nama dan satu gendang. Alat muzik ini adalah alat muzik masyarakat Kadazandusun. Penggunaan gong-gong ini mencerminkan persamaan budaya serumpun Alam Melayu.

Penciptaan pelbagai jenis alat muzik dalam kalangan penduduk Sarawak dan Sabah adalah simbol tradisi silam mereka yang tidak pernah putus dan terus dimainkan sehingga ke hari ini. Terdapat juga beberapa alat muzik di dua kawasan ini mempunyai persamaan dengan muzik Alam Melayu. Jelas disini bahawa penciptaan alat-alat muzik ini adalah unik dan serumpun dengan Alam Melayu.